



**MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT
SYARAT-SYARAT LESEN PENJAJA**

SYARAT-SYARAT BAGI LESEN PENJAJA

- a) Kelulusan **TERHAD kepada lokasi permohonan** yang telah diluluskan **SAHAJA**.
- b) **Menjaga kebersihan** tapak semasa dan selepas waktu perniagaan.
- c) **Menyediakan tong sampah** bagi pelupusan sisa pepejal dan hendaklah dilupuskan oleh penjaja di tempat yang sesuai.
- d) **TIDAK DIBENARKAN untuk membuang sisa cecair / bahan kotoran/ buangan** dalam mana-mana longkang atau tempat awam.
- e) **TIDAK DIBENARKAN** untuk meletakkan atau **meninggalkan peralatan perniagaan / stall** di tapak penjajaan selepas waktu perniagaan.
- f) **TIDAK DIBENARKAN membina sebarang binaan / struktur** kekal di tapak penjajaan.
- g) Memastikan **TIDAK** berlaku kacau ganggu / halangan lalulintas sepanjang waktu perniagaan dijalankan.
- h) Pemohon dan pembantu hendaklah mendapatkan suntikan Typhoid (TY2) serta pemeriksaan kesihatan. Buku suntikan hendaklah sentiasa dibawa bersama ketika menjalankan perniagaan dan memastikan suntikan yang diterima masih sah dalam tempoh yang ditetapkan.
- i) Pemohon dan pengendali makanan hendaklah menyertai kursus pengendalian makanan. Sijil kursus tersebut hendaklah sentiasa dibawa bersama ketika menjalankan perniagaan.
- j) Pemohon mestilah **sentiasa bersedia dan akur** jika diarahkan untuk berpindah lokasi oleh pihak Majlis.
- k) **HENDAKLAH MEMATUHI** undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa sertalain-lain syarat yang dikenakan PBT atau agensi kerajaan yang lain dari semasa ke semasa.
- l) Pelanggaran mana-mana syarat yang dinyatakan boleh mengakibatkan tindakan kompaun dan lesen akan dibatalkan tanpa sebarang notis.